

1. Bagaimanakah cara memilih makanan sihat dan berkualiti?
 - A. Lihat pada tarikh luput
 - B. Tidak mempunyai logo halal
 - C. Keadaan tin yang kemik
 - D. Keadaan pembungkusan yang tidak elok

2. Bagaimana cara untuk menilai makanan yang ingin dimakan selamat?
 - A. Melihat pada luaran makanan sahaja
 - B. Melihat pada maklumat yang dilekatkan pada tin makanan
 - C. Melihat kepada cadangan daripada orang ramai
 - D. Melihat kepada jenama makanan tersebut

3. Bagaimanakah cara penyimpanan makanan yang sihat?
 - I. Simpan makanan yang mudah rosak di dalam peti sejuk
 - II. Pastikan makanan mentah tidak diletakkan dan dibiarkan di atas lantai
 - III. Pastikan makanan dan minuman disimpan pada suhu di bawah 4°C jika telah dibuka
 - IV. Pastikan makanan yang telah dimasak tidak terdedah melebihi empat jam pada suhu bilik
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I, II dan III
 - D. I, II, III dan IV

4. Anda siap masak pada jam 2 petang dan membiarkan makanan di atas dapur masak, kemudian anda tertidur sehingga jam 8 malam. Adakah makanan anda selamat untuk dimakan?
 - A. Ya
 - B. Tidak

5. Di sebuah pasaraya, terdapat jualan murah untuk pelbagai produk makanan. Anda dapati ada daripada makanan tersebut telah kemik pada tin dan bungkusan terbuka. Apakah tindakan anda?
 - A. Beli makanan tersebut kerana jualan murah
 - B. Tidak membeli makanan tersebut

- C. Membeli makanan tersebut dan memberikan kepada orang lain
- D. Menyuruh orang lain untuk membeli makanan tersebut